



25 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 5 • Printed Size: 231.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 3,940.33
PR value: MYR 11,820.99 • Item ID: MY0026105923

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

DAP Selangor sokong calon Pakatan Harapan

SHAH ALAM - DAP Selangor menyokong calon Pakatan Harapan bertanding pada PRK Parlimen Sungai Besar, walaupun terpaksa berhadapan pertarungan tiga penjuru dengan BN dan Pas.

Pengerusinya, Tony Pua berkata, parti itu akan memberikan sokongan penuh kepada calon Pakatan Harapan dipilih untuk bertanding kelak.

"Walaupun ia akan menjadi satu pemilihan tiga penjuru, kami (DAP Selangor) berpandangan bahawa Pakatan Harapan mesti meletak calon pada PRK ini.

"Saya sendiri turun ke kawasan Parlimen Sungai Besar dan mengadakan sesi dialog dengan akar umbi cawangan DAP di pekan Sungai Besar dan Sekinchan Ahad lalu



TONY PUA

mendapati, kehendak penyokong parti khususnya di kawasan bandar sangat jelas di mana mereka tak akan sokong Pas sebagai wakil pembangkang menentang BN," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara itu berkata, penyokong turut memberitahu jika terpaksa mengundi antara BN dan

Pas, mereka akan memilih BN kerana kecewa dengan Pas yang mengkhianati undi mereka pada pilihan raya lalu, sekali gus menguburkan Pakatan Rakyat.

Malah katanya, keengganan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang berunding dengan Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali menyebabkan situasi satu lawan satu di Sungai Besar

tidak akan menjadi kenyataan.

"Walaupun ada pihak yang bimbang bahawa pemilihan tiga penjuru berkemungkinan melemahkan undi pembangkang, kami percaya bahawa pengundi yang pintar akan tetap memberikan undi kepada Pakatan Harapan.

"Ini kerana hanya gabungan politik Pakatan Harapan antara PKR, DAP dan Amanah mampu dan berpeluang menewaskan BN dalam pilihan raya. Pas secara bersendirinya, tiada kemungkinan langsung untuk menuangkan kerajaan," katanya.

Tony berkata, pengundi Sungai Besar tidak akan membazirkan undi kepada parti yang tidak berkemampuan untuk membentuk kerajaan bagi menggantikan BN.

Beliau berkata, pihaknya yakin bahawa dengan satu kempen yang berfokus dan cergas, Pakatan Harapan akan dapat memikat hati pengundi dan mencapai satu kemenangan PRK bersejarah yang akan menggemparkan politik negara.



25 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 3 • Printed Size: 133.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 2,268.67
PR value: MYR 6,806.01 • Item ID: MY0026105891

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahotungor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

Berlapang dada buat keputusan

BANTING - Timbalan Pesuruhjaya Pas Selangor, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi mahu semua pemimpin politik berlapang dalam membuat keputusan calon PRK Parlimen Sungai Besar.

Menurutnya, Pas tetap dengan pendirian seperti diputuskan kepimpinan pusat walaupun parti itu bergelut dengan kontroversi melibatkan Pakatan Harapan.

"Saya sendiri hanya ikut apa sahaja keputusan pusat," katanya.

Beliau berkata, kemenangan dalam PRK Sungai Besar tidak memberi impak besar, namun jika menang ia dianggap kelebihan.

"Saya harap rakyat melihat secara fizikal dengan sistem pentadbiran yang banyak berlaku ketirisan, penyalahgunaan kewangan diuar-uarkan sememangnya berlaku.

"Setakat ini pun, tak ada pe-



AHMAD YUNUS

nafian yang boleh menyakinkan masyarakat.

"Jadi elok rakyat faham apa yang berlaku supaya pilihan raya ini menjadi titik tolak atas kesedaran masyarakat dengan aktiviti kepimpinan yang akhirnya berimbas tak baik kepada masyarakat," katanya.

Dalam pada itu, mengulas statusnya sebagai Exco Kerajaan Selangor, Yunus berkata, dia masih menjalankan tanggungjawabnya seperti biasa.

"Saya tak ada masalah nak buat kerja sebab anggap ia amanah.

"Hilang kuasa bukan satu perkara yang menjadi keutamaan, walaupun kita buat perubahan, reformasi dan sebagainya tapi ia perlu ambil kira apa yang kita nak tunjuk kepada rakyat bahawa kepimpinan kita ada ni dapat salurkan yang terbaik kepada masyarakat," katanya.



BN tidak perlu kerja keras!

KOMENTAR

MUHAMAD MAT YAKIM
muhamad@sinarharian.com.my



BN nampaknya tidak perlu bekerja keras untuk mengekalkan kerusi Parlimen Sungai Besar mahupun Kuala Kangsar pada PRK 18 Jun ini.

Meskipun riak di permukaan yang ditunjukkan menerusi respons akar umbi terhadap isu-isu semasa seakan memberi ruang selesa kepada pembangkang untuk melakukan sesuatu kali ini, ironinya konflik dalam kalangan parti-parti pembangkang tidak dapat diselindungkan lagi. Mereka seperti dalam keadaan yang sangat tidak bersedia untuk menghadapi pilihan raya, apa lagi menumbangkan BN.

Kelman, tatkala Amanah mengumumkan senarai pendek calon-calonnya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pula sibuk menyalahkan Pas sebagai punca mesyuarat Majlis Presiden Pakatan Harapan terpaksa ditangguhkan setelah Pas dikatakan tidak memberi sebarang respons untuk membincangkan isu-isu berkaitan kedua-dua PRK.

Ini menghairankan bahkan boleh dikira melucukan kerana Pas bukanlah komponen Pakatan Harapan malah telah berulang kali pula menegaskan parti itu telah menutup pintu untuk sebarang rundingan berkaitan PRK termasuk dengan PKR pun.

Ini ditambah pula dengan kontroversi berkaitan kedudukan anggota Exco Pas dalam Kerajaan Selangor yang dikatakan telah diberi kata dua oleh Menteri Besar Datuk Seri Mohamed Azmin Ali bahawa mereka akan digugurkan jika parti itu berkeras mahu meletak calon di Sungai Besar. Meskipun Azmin menafikan pernah mengeluarkan kenyataan sedemikian, Ketua Penerangan Dewan Ulamak Pas, Datuk Dr Mohd Khairuddin Aman Razali dalam satu kenyataan yang diperoleh portal *Free Malaysia Today* sebaliknya menyatakan perkara itu memang benar berlaku.

Itu dalam hal hubungan Pas dengan PKR, satu-satunya parti daripada Pakatan Rakyat yang diperakui masih mempunyai hubungan tahaluf siyasi dengan parti Islam itu.

Dalam rumah tangga PKR sendiri pun,

ada riak yang bukan sekadar riak di dalam cawan, malah persis menanti masa sahaja untuk berubah jadi gelombang. Umum sudah mengetahui hal perseteruan antara kem Wan Azizah dengan kem Azmin yang semakin terselak luas sejak tersebarnya 'Warkah Dari Penjara' yang ditulis Datuk Seri Anwar Ibrahim baru-baru ini.

Dalam suratnya itu, Anwar menegur pemimpin tertentu dalam pakatan pembangkang terutamanya PKR berkaitan penglibatan mereka dengan kumpulan Deklarasi Rakyat yang dipelopori Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Whatsapp

Menurut beliau, kecenderungan mereka menyokong deklarasi itu adalah tidak sejajar dengan agenda reformasi yang diperjuangkan pakatan pembangkang selama ini.

Teguran Anwar itu ditafsirkan oleh sesetengah pihak sebagai menyasarkan Azmin. Ini kerana Azmin yang dilihat paling terkehadapan menyokong Deklarasi Rakyat berbanding pemimpin PKR yang lain.

Sementelah pula pada masa yang sama timbul cerita bocornya mesej Whatsapp Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli yang mendakwa wujud sogokan wanita dan wang dalam pentadbiran kerajaan negeri yang dipimpinnya, Azmin tidak mempunyai pilihan selain memastikan kemenangan calon Pakatan Harapan dalam pilihan raya kecil ini untuk menutup mulut pengkritiknya, setidak-tidaknya dalam tempoh sementara.

meriteri besar jika tidak kerana semangat setiaawan dengan PKR, terutama Azmin.

Atas sebab itulah, Pas mempunyai sebab untuk berasa tersinggung apabila Azmin dikatakan telah memberi kata dua kepada wakilnya dalam kerajaan negeri meskipun beliau menafikan.

Pada hakikatnya, Azmin kini boleh diandaikan berada dalam keadaan sangat tertekan. PRK Sungai Besar menjadi ujian getir baginya untuk membuktikan pengaruh dan kewibawaannya sebagai pemimpin negeri dan juga pemimpin No. 2 dalam parti.

Malang bagi Azmin, tekanan paling hebat sebaliknya datang dari dalam partinya sendiri dan ini tidaklah lebih ringan berbanding tekanan dari luar.

Dalam keadaan beliau diasak begitu hebat terutama berkaitan dengan tuduhan wujudnya sogokan wanita dan wang dalam pentadbiran kerajaan negeri yang dipimpinnya, Azmin tidak mempunyai pilihan selain memastikan kemenangan calon Pakatan Harapan dalam pilihan raya kecil ini untuk menutup mulut pengkritiknya, setidak-tidaknya dalam tempoh sementara.

Malu

Namun apabila serangan yang menjatuhkan itu datang dari dalam parti sendiri, ditambah pula kegalanannya untuk mempengaruhi Pas berkompromi dengan hanya meletak satu sahaja calon daripada blok pembangkang, apa lagi yang boleh diharapkan oleh Azmin untuk membantu kemenangan di pihaknya?

Apa yang tidak kurang menarik untuk diimbas, Azmin juga boleh diandaikan tertekan oleh alasan-alasan yang beliau sendiri gunakan untuk mengkritik Khalid dahulu. Rakyat Selangor sentiasa sedar bahawa pentadbiran Khalid adalah jauh lebih baik berbanding beliau yang setakat ini, setelah lebih dua tahun mengetuai pentadbiran kerajaan, masih gagal untuk membawa apa-apa perubahan yang bermakna.

Apa yang berlaku sememangnya menghairankan kalangan pemerhati yang tertanya-tanya, mengapa Rafizi mengambil tempoh masa ini - menjelang pilihan raya - untuk membongkar skandal yang boleh jadi sebab penolakan yang paling kuat oleh pengundi?

Apakah matlamat politik domestik

yang pada masa itu turut mempunyai peluang untuk mencalonkan orangnya sendiri sebagai



mengatasi matlamat pilihan raya telah begitu kuat mempengaruhi pertimbangan pemimpin-pemimpin PKR?

Sebagai mana yang telah sedia diketahui, Pas akan meletak calon pada PRK Sungai Besar, juga di Kuala Kangsar.

Amanah juga, kelmarin telah mengumumkan senarai pendek calon-calonnya yang terdiri daripada nama-nama besar iaitu presidennya sendiri, Mohamad Sabu, Salahuddin Ayub (timbalan presiden) dan bekas Menteri Besar Perak, Datuk Seri Ir Mohd Nizar Jamaluddin.

Nizar hampir pasti akan bertanding di Kuala Kangsar manakala Mat Sabu dan Salahuddin, seorang deripada mereka akan jadi calon di Sungai Besar.

Ini bukanlah kali pertama kedua-dua pemimpin No. 1 dan No. 2 Amanah itu bertanding di luar kawasan masing-masing.

Mat Sabu yang berasal dari Tasek Gelugor, Pulau Pinang sejak awal kariernya sebagai wakil rakyat, menang di kerusi Parlimen Nilam Puri, Kelantan pada PRU1990. Beliau kemudian dipilih sekali lagi selepas perempatan semula kawasan pilihan raya untuk mewakili Parlimen Kubang Kerian pada PRU1995. Pada PRU1999, Mat

Sabu bertanding di kerusi Parlimen Kuala Kedah, dan menang.

Salahuddin pula pada 2004 dan 2008 mewakili kerusi Parlimen Kubang Kerian tetapi tewas apabila bertanding kerusi Parlimen Pulai, di negeri kelahirannya, Johor pada PRU 2013.

Meskipun Mat Sabu pernah mencatat rekod cemerlang di luar negeri asalnya namun harus diingat beliau ketika itu bertanding di Kelantan, atas tiket Pas. Pada 1999, tatkala beliau menang di Kuala Kedah, PRU pada tahun itu sememangnya mengejutkan apabila pembangkang menang lapan daripada 15 kerusi Parlimen di Kedah meskipun gagal mengambil alih kerajaan negeri.

Paling akhir, beliau gagal dalam kedua-dua pilihan raya yang disertainya iaitu di Kuala Terengganu pada 2008 dan Pendang pada 2013.

Kali ini, jika Mat Sabu yang dipilih bertanding di Sungai Besar, beliau mungkin akan dapat sebahagian besar undi daripada penyokong DAP di Dun Sekinchan namun agak sukar baginya untuk menguasai pengundi majoriti Melayu di Dun Sungai Panjang. Lebih 67 peratus pengundi Parlimen Sungai Besar adalah terdiri daripada kaum

Melayu manakala Cina, hanya sekitar 30 peratus.

Pas yang setakat ini masih belum mengumumkan calon, sebelum ini dijangka akan menamakan semula calonnya pada PRU13, Mohamed Salleh M. Hussin.

Andainya Pas jadi meletak calon lokal ini, ia akan jadi tekanan bagi Mat Sabu untuk memastikan beliau tidak mendapat undi yang lebih rendah daripada bekas guru itu. Ia sudah pasti akan hanya memalukan dirinya sendiri jika Cikgu Mohamed Salleh berjaya 'menewaskan' Presiden Amanah itu dari segi pungutan undi.

Soalnya, apakah pengundi Sungai Besar akan bersympati terhadap Mat Sabu lalu mendorong mereka untuk terima isu-isu nasional yang dibawa dalam kempen pembangkang sedangkan selama ini mereka belum pernyatakan calon lokal?

Apa pun, perpecahan undi propembangkang pasti akan berlaku. Ditambah dengan pelbagai isu yang menyelubungi parti-parti pembangkang pada masa ini, BN dijangka akan menang selesa tanpa perlu bekerja keras. Mereka sudah cukup dibantu dengan isu-isu dalam pembangkang sendiri!



MDHS bantu pemilik langsai tunggakan cukai

SHAH ALAM - Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) mempunyai beberapa alternatif untuk membantu pemilik harta tanah di bandar baru di bawah pengurusan MDHS melangsanka tunggakan cukai taksiran.

Menurut kenyataan MDHS, antara cadangan yang dikemuka dan dibenarkan dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 ialah membenarkan bayaran ansuran bulanan bagi permohonan pulangan balik cukai taksiran (remisi) penggal Julai hingga Disember ini.

"MDHS turut bercadang menghapuskan semua Caj Seksyen 147 yang tertunggak bagi pembayaran tunggakan secara penuh.

"Selain itu, kelulusan remisi sebanyak 90 peratus turut dipertimbangkan kepada

pemohon di kawasan yang tersenarai bermula penggal Julai hingga Disember ini," katanya.

Bandar-bandar baru terlibat ialah Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Taman Bunga Raya, Prima Beruntung, Lembah Beringin dan Bandar Sungai Buaya.

"Bandar-bandar di bawah pengurusan MDHS ini adalah penyumbang terbesar tunggakan cukai taksiran MDHS.

"Ia berjumlah hampir RM51 juta merangkumi 70 peratus dari jumlah keseluruhan tunggakan," katanya.

Menurutnya, terdapat permohonan daripada pemilik supaya tunggakan dihapuskan dengan alasan harta tanah di kawasan tersebut tidak boleh digunakan dan kebanyakannya merupakan

projek terbengkalai.

"Tiada peruntukan undang-undang yang membolehkan pihak majlis berbuat demikian.

"Hanya kawasan tertentu boleh dikecualikan di bawah Seksyen 134, Akta Kerajaan Tempatan 1976," katanya.

Namun menurut kenyataan itu lagi, Seksyen 162 akta sama memperuntukkan sebahagian daripada kadar cukai yang dikenakan bagi premis kosong dipulangkan semula atau diremit dengan syarat tertentu.

"Antaranya ialah pemilik perlu membuat permohonan bertulis kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) yang terlibat.

"Selain itu, segala tuntutan atau tunggakan cukai taksiran atau pintu telah dijelaskan terlebih dahulu," katanya.



25 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 35 • Printed Size: 70.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Black/white • Ad Value: MYR 689.23
PR value: MYR 2,067.69 • Item ID: MY0026106061

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BERSAMAAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahs@selangor.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

'Tetap jalankan tugas seperti biasa'

BANTING - "Sehingga hari ini saya masih jalankan tugas seperti biasa, saya tak tahu apa-apa berkenaan program saya dibekukan," kata Exco Hal Ehwal Agama Islam, Adat Melayu dan Warisan, Pembangunan Desa dan Kampung Tradisional, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi.

Menurutnya, setakat ini, beliau tidak menerima sebarang arahan daripada kerajaan negeri mengenai programnya dibekukan dan masih menjalankan tugas seperti biasa.

"Saya tak dengar apa-apa pun lagi. Sehingga hari ni, saya tak ada masalah ber-

temu dengan masyarakat," katanya selepas merasmikan Program Bantuan Ramadhan /Aidilfitri 2016/1437 H Daerah Kuala Langat di Masjid Al Taqwa, Banting, semalam.

Ahmad Yunus berkata, beliau masih menghadiri program-program yang dirancang termasuk Program Bantuan Ramadhan/Aidilfitri dari Lembaga Zakat Selangor, semalam.

"Kebetulan, daerah Kuala Langat adalah daerah pertama yang terlibat dalam program agihan berkenaan di Selangor.

"Saya hadir, rasmi dan menyampaikan bantuan tersebut," katanya.



25 May 2016
Sinar Harian, Malaysia

Author: No author available • Section: Nasional • Page: 38 • Printed Size: 782.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 13,339.12
PR value: MYR 40,017.36 • Item ID: MY0026106155

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4 BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUZZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahotungor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



Persediaan sambut Ramadan

Persatuan Optimist anjur karnival kesihatan, gotong-royong di Masjid Saujana Utama

SAUJANA UTAMA – Kedatangan Ramadan tahun ini lebih dirasai kariah Masjid Saujana Utama apabila pelbagai program menarik dijalankan termasuk aktiviti gotong-royong dan karnival kesihatan, baru-baru ini.

Terbarlu, Program Karnival Kesihatan dan Gotong-Royong Ahlan Waslahan Ya Ramadhan Masjid Saujana Utama 2016 anjuran Persatuan Pelajar Optometri (Optimist) Fakulti Sains Kesihatan Universiti Teknologi Mara (UiTM) Puncak Alam menarik perhatian penduduk sekitar untuk turut serta.

Program itu turut mendapat kerjasama Persatuan Penduduk Saujana Utama 2, Koperasi Masjid Saujana Utama, Majlis Permuafakatan Penduduk Saujana Utama, Ahli Majlis Daerah Kuala Selangor, Skuad Denggi Patrol Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Saujana Utama dan Ikatan Relawan Malaysia (Rela).

Lebih menarik, Adun Jeram, Datuk Amiruddin Setro hadir merasmikan majlis dan menyempurnakan simbolik dengan menanam pokok bunga sebelum melawat booth pameran kesihatan.

Program bermula jam 8 pagi sehingga 5 petang itu memberi peluang kepada penduduk untuk pemeriksaan mata percuma, mamogram, saringan kesihatan, sesi ceramah kesihatan dan booth jualan.



Amiruddin (tengah) dibawa meninjau booth pameran dan jualan yang dibuka sempena program.



Taklimat kesihatan disediakan di booth pameran.



Penduduk menjalani saringan kesihatan.



Sesi agihan sumbangan yang turut diadakan pada program itu.



Amiruddin (duduk, tengah) merakam kenangan bersama tetamu jemputan, urusetia dan ahli Persatuan Optimist Fakulti Sains Kesihatan UiTM Puncak Alam.



Upacara menanam pokok bunga menjadi simbolik perasmian program.

Headline	Lupus sampah ketika solat Jumaat		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	25 May 2016	Circulation	279,000
Section	Nasional	Readership	837,000
Page No	39	ArticleSize	281 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 4,793
Journalist	N/A	PR Value	RM 14,380
Frequency	Daily		



Lupus sampah ketika solat Jumaat

Taktik pemilik lori buat aktiviti haram itu berjaya dikesan MDKL, tiga kenderaan berat dikenakan tindakan sita

BANTING - Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) bertindak menyita tiga lori muatan 10 tan atas kesalahan menjalankan kegiatan melupuskan sampah secara haram.

Tindakan di bawah Undang-undang Kecil 4, Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah-sarap (MDKL 2007) dilakukan dalam satu operasi di Bandar Saujana Putra, baru-baru ini.

Yang Dipertua MDKL, Mohd Azhar Mohamed Ali berkata, pihaknya mendapati pemilik lori menggunakan taklik melupuskan sampah ketika waktu solat Jumaat.

"Sebelum operasi ni, kami ada buat pantauan selama satu jam minggu lepas, dan kami dapat mereka lupus sampah waktu rehat, tengah orang semua sibuk nak solat Jumaat. Kami jangka mungkin ini taklik yang digunakan mereka.

"Kesemua kenderaan itu dikenakan tindakan sita dengan tempoh maksima selama satu bulan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan MDKL," katanya.

Menurutnya, MDKL memandang serius kesalahan membuang atau melupuskan sampah secara haram di tempat yang tidak sepatutnya kerana ia bukan sahaja menjaskan persekitaran tetapi menyumbang kepada masalah pembiakan aedes dan seterusnya boleh mengancam nyawa masyarakat.

Pihak majlis juga telah menggerakkan satu Jawatankuasa Tindakan Sampah Haram bagi membincangkan tindakan mengekang kegiatan itu termasuklah aktiviti penguatkuasaan, operasi bersepdua dan kemenkesedaran dalam setiap program yang dianjurkan ber-

sama masyarakat," katanya kepada *Sinar Harian*.

Dalam pada itu, MDKL turut menasihatkan orang awam agar melaporkan kepada pihak berkuasa sekiranya terdapat aktiviti pelupusan atau pembakaran sampah secara haram di kawasan masing-masing.

Untuk rekod, sebanyak enam tangkapan dilakukan sepanjang 2016 membabitkan kenderaan muatan 10 tan dan 3 tan serta masing-masing turut dikenakan tindakan sita dan kompaun maksima.

66 Kesemua kenderaan itu dikenakan tindakan sita dengan tempoh maksima selama satu bulan oleh Bahagian Penguatkuasaan dan Keselamatan MDKL.

- Mohd Azhar



Tiga lori muatan 10 tan disita hasil pemantauan yang dilakukan MDKL sebelum ini.



25 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Mohd Azrone Sarabatin • Section: Nasional • Page: 6 • Printed Size: 301.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 10,336.00
PR value: MYR 31,008.00 • Item ID: MY0026106595

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax: 03-5513 5569
Email: sektahs@ns.gov.my



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

Rafizi perlu kemuka bukti kepada SPRM

• Biro Politik turut teliti dakwaan dikemuka: Presiden PKR

Oleh Mohd Azrone Sarabatin, Rohaniza Idris dan Mohd Zulkifli Zainuddin

bhnews@bh.com.my

► Petaling Jaya

Setiausaha Agung PKR, Rafizi Ramli, diminta menyerahkan segala bukti berhubung dakwaan sogokan wang dan wanita untuk berunding dengan kerajaan Selangor kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata pada masa sama, Biro Politik parti itu akan meneliti dakwaan dikemukakan Naib Presiden PKR berkenaan.

"Biro Politik PKR membuat ketetapan bahawa Rafizi perlu membawa terus bukti yang ada kepada pihak SPRM.

"Sekiranya (dakwaan) membabitkan anggota parti, anggota berkenaan akan dihadapkan kepada jawatankuasa disiplin," katanya dalam kenyataan tiga perenggan yang diedar kepada pemberita selepas mesyuarat Biro Politik PKR di ibu pejabat parti di sini, malam tadi.

Rafizi tidak menghadiri mesyuarat berkenaan.

Ditanya mengenai kedudukan Rafizi dalam parti, Dr Wan Azizah menjawab perkara itu tidak dibincangkan dalam mesyuarat sebelum beredar.

Mesyuarat lebih 3 jam

Mesyuarat lebih tiga jam itu turut dihadiri Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar, Syamsul Iskandar dan Dr Xavier Jayakumar serta ahli Biro Politik PKR lain.

Terdahulu, Rafizi mempertahankan tindakannya membangkitkan isu rasuah di Selangor dan membidas kumpulan yang mengkritik tindakannya itu.

Menerusi entri akaun Twitter rasminya @rafiziramli, Ahli Parlimen Pandan itu antara lain berkata, peringatan terhadap budaya rasuah dan usaha memeranginya tidak boleh ditentukan oleh masa, parti, personaliti atau perkara lain.

"Ada yang kata jangan kritik sekarang, tunggu menang dulu. Le-

pas menang baru selesai. Ini resepi berbahaya. Bila dah menang budaya dah berakar umbi," katanya dalam posting yang dimuat naik kira-kira jam 10 pagi semalam.



Biro Politik PKR membuat ketetapan bahawa Rafizi perlu membawa terus bukti yang ada kepada pihak SPRM. Sekiranya (dakwaan) membabitkan anggota parti, anggota berkenaan akan dihadapkan kepada jawatankuasa disiplin"

Dr Wan Azizah Wan Ismail, Presiden PKR



25 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Mohd Azrone Sarabatin • Section: Nasional • Page: 6 • Printed Size: 301.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 10,336.00
PR value: MYR 31,008.00 • Item ID: MY0026106595

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setakohongor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



Headline	Pembangkang dicabar tunjuk kejantanan		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	25 May 2016	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	13	ArticleSize	368 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 12,637
Journalist	Rohaniza Idris	PR Value	RM 37,911
Frequency	Daily		



Pembangkang dicabar tunjuk kejantanan

➔ Pakatan Harapan perlu letak calon tanpa berunding dengan PAS

**Oleh Rohaniza Idris,
Hazwan Faisal Mohamad
dan Nor Fazlina
Abdul Rahim**

bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Parti pembangkang yang membentuk Pakatan Harapan tidak perlu berunding sesama mereka, sebaliknya disarankan menunjukkan kejantanan masing-masing bertanding Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) UMNO, Datuk Shamsul Anuar Nasarah, ketika melontarkan cabaran itu, berkata walaupun ada pertembungan sesama parti pembangkang di kedua-dua kerusi itu nanti, ia sebenarnya sejajar dengan sikap pemimpin Pakatan Harapan yang sering mencanang isu demokrasi di negara ini.

"Pemimpin Pakatan Harapan sering canang isu demokrasi. Jadi, saya nasihatkan Pakatan Harapan tidak perlu berunding lagi (dengan PAS), kedua-dua parti bertanding sahajalah, tunjukkan kejantanan masing-masing dan biar masyarakat pilih parti mana yang hebat."

Subur amalan demokrasi

"Apabila ramai bertanding, ia sebenarnya menyuburkan lagi ama-

lan demokrasi di negara ini," katanya ketika ditemui di lobi Parlimen, yakin dengan kelebihan BN dan UMNO di dua kawasan itu berdasarkan beberapa faktor walaupun majoriti undi diperoleh BN pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) rendah.

Sementara itu, Naib Presiden PAS, Idris Ahmad yang turut ditemui di lobi Parlimen semalam, mempersoalkan niat sebenar Parti Amanah Negara (Amanah) yang bertegas bertanding di Sungai Besar dan Kuala Kangsar, sama ada mahu menentang Barisan Nasional (BN) atau PAS.

"Tidak tepat jika (Amanah) kata tujuan bertanding untuk jadi pendamai. Nak berdamai apa? Nak lawan BN atau PAS? Kami bertanding sebab nak lawan BN, jadi tidak timbul isu berdamai atau rampas hak orang," katanya sambil memaklumkan, PAS akan umum calonnya bagi kedua-dua PRK itu, Jumaat ini.

Tak campur tangan

Mengulas kenyataan Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail bahawa PAS punca mesyuarat Pakatan Harapan ditangguh-

kan, Idris yang juga Pengarah Pilihan Raya PAS PRK Kuala Kangsar, berkata partinya tidak akan campur urusan orang lain.

"Pasal apa pula? Tiada kena mengena pun. Masalah gaduh suami isteri, takkan jiran sebelah rumah pula kena tentukan cerai atau tidak.

"Rumah orang mana boleh kita kacau," katanya yang menegaskan, terpulang kepada Pakatan Harapan jika mahu meletakkan calon mereka di kedua-dua kerusi terabit.

Di Kota Bharu, seorang lagi Naib Presiden PAS, Datuk Mohd Amar Nik Abdullah, berkata parti itu sudah mengenal pasti dua calon, masing-masing bagi kerusi Sungai Besar dan Kuala Kangsar yang akan diumumkan pimpinan tertinggi dalam tempoh terdekat.

"Keputusan parti bertanding di dua kerusi itu adalah tepat dan muktamad. Sama ada Amanah atau PKR juga mahu bertanding, terpulang kepada mereka. Sama ada satu lawan satu atau tiga penjurul, peluang untuk membuat kejutan tetap ada," katanya ketika dihubungi.

Headline	Pembangkang dicabar tunjuk kejantanan		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	125,514
Page No	13	Readership	947,000
Language	Malay	ArticleSize	368 cm ²
Journalist	Rohaniza Idris	AdValue	RM 12,637
Frequency	Daily	PR Value	RM 37,911

Fakta nombor

2 CALON
PAS tanding di Sungai Besar dan Kuala Kangsar

3 PENJURU
PAS yakin peluang tetap ada

[FOTO NURUL SHAFINA JEMENON/BH]

Jeti Sungai Haji Dorani, Sungai Besar yang digunakan nelayan di kawasan berkenaan.

Headline	Misi Tun Mahathir, PAS, Amanah berbeza		
MediaTitle	Berita Harian	Color	Full Color
Date	25 May 2016	Circulation	125,514
Section	Nasional	Readership	947,000
Page No	13	ArticleSize	238 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 8,204
Journalist	Dr Ismail Sualman Profesor Madya di Fakulti	PR Value	RM 24,612
Frequency	Daily		



Misi Tun Mahathir, PAS, Amanah berbeza

Komentar



Dr Ismail Sualman
Profesor Madya
di Fakulti Komunikasi dan
Pengajian Media, UiTM

Seperi diduga, PAS dan parti serpihannya, Parti Amanah Negara (Amanah) dijangka bertembung untuk menentang Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar, 18 Jun nanti.

Presiden PAS, Datuk Seri Hadi Awang menegaskan partinya akan tetap meletakkan calon di kedua-dua kerusi, disusuli kenyataan Pengarah Komunikasi Amanah, Khalid Abdul Samad yang bertekad bahawa inilah masa untuk partinya masuk gelanggang pilihan raya bagi menduga sokongan rakyat.

Walaupun beberapa pemimpin PKR cuba berunding dengan PAS bagi memastikan hanya pertandingan satu lawan satu di antara pembangkang dengan BN di kedua-dua kerusi, ia menemui jalan buntu.

Sebaliknya, perbincangan itu pula mendedahkan ‘ketidakseruan’ di antara Pakatan Harapan

dan Pakatan Rakyat yang dibentuk sebelumnya.

Pandangan Presiden PAS nyata memberi isyarat bahawa parti itu boleh bersendirian untuk meraih sokongan orang Melayu dan Islam tanpa perlu ada Pakatan Harapan.

Malah Pakatan Harapan di Selangor yang terdiri daripada PKR, DAP dan PAS suatu ketika dahulu, pernah ‘meminggirkan’ PAS dalam menentukan calon di PRK Jang sehingga mencetuskan polemik politik berpanjangan.

Jadi, kenapa pula kali ini PAS perlu berunding dan bertolak ansur, sedangkan parti itu sudah lama bergelumang di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.

Sebenarnya, tiada yang ganjal dan mustahil dalam percaturan calon. PAS sudah bertanding sekian lama di kedua-dua kerusi itu, malah pada PRU-13 lalu, calonnya hampir merampas Sungai Besar daripada BN apabila tewas dengan perbezaan hanya 399 undi.

PAS mesti memahami bahawa sebagai pakatan yang baharu, rundingan ketika pembangkang bergabung di bawah Pakatan Rakyat dan juga Pakatan Harapan adalah berdasarkan parti politik, bukan atas kapasiti individu.

PRK ujian sokongan

Bagi Amanah, parti itu seharusnya menjadikan PRK kali ini ujian mengenai sokongan atau ‘test the water’.

Kemelut di antara PAS dan

Amanah akan mendapat jawapannya dengan mengadu kekuatan pada PRK seperti ini, gunakan untuk menyusun strategi menjelang PRU-14 nanti.

Walaupun Tun Dr Mahathir Mohamad mahu pertandingan satu lawan satu di antara calon pembangkang atau apa yang dilabelnya ‘calon rakyat’ dengan BN pada dua PRK ini, ia tidak diendahkan oleh PAS mahupun Amanah. Ternyata misi deklarasi rakyat tajaan Dr Mahathir tidak selaras dengan misi PAS dan Amanah.

PAS juga kelihatan ‘terguris’ dengan kenyataan yang meragui parti itu, kenyataan yang bimbang akan berlaku ‘pengkhianatan’ oleh PAS yang mungkin menarik diri dan memberi kemanangan percuma kepada BN.

Apa yang nyata, BN bersedia untuk menghadapi mana-mana parti politik pada PRK ini dengan tradisi membela nasib rakyat dan mengutamakan rakyat menjadi misinya tanpa mengira persoalan kepartian.

Walaupun PRK ini dikatakan ujian yang akan menggambarkan sokongan rakyat pada PRU-14 nanti, faktor isu dan sentimen juga sentiasa berubah dan dinamik.

Maka, sebagai peluang dan ruang untuk menduga sokongan, tidak menjadi masalah sekiranya PAS, Amanah, BN, malah PKR bertanding di Sungai Besar dan Kuala Kangsar.



25 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Johari Mohd Ali • Section: Nasional • Page: 25 • Printed Size: 506.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 17,375.00
PR value: MYR 52,125.00 • Item ID: MY0026106756

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsorong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 4

Projek EKVE digantung sementara

➔ Mahkamah
perintah Taman
Rimba Ampang
ditutup JPNS
dibuka semula

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali
ajohari@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

Mahkamah Tinggi di sini semalam, memerintahkan Projek Lebuhraya Lingkaran Luar-Hubungan Timur (EKVE) membabitkan pembinaan lebuhraya bertol yang dicadangkan menghubungkan Bandar Sungai Long dan Ukay Perdana dibерhentikan dan digantung sementara.

Mahkamah turut mengeluarkan perintah bahawa segala tindakan Perhutanan Negeri Selangor (JPNS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (responden) membabitkan projek lebuhraya itu yang merentasi Hutan Simpan Ampang digantung sementara.

Serentak itu, mahkamah memerintahkan Taman Rimba Ampang iaitu akses utama bagi orang awam ke Hutan Simpan Ampang yang terletak di dalam Taman Warisan

Selangor yang ditutup JPNS melalui notis pada 9 Januari lalu, dibuka semula.

Hakim, Datuk Hanipah Farikullah membuat keputusan sebelah pihak itu selepas membenarkan permohonan tiga pertubuhan alam sekitar memulakan prosiding semakan kehakiman bagi mencabar keputusan responden yang memberikan kebenaran, permit dan lesen bagi kerja pembinaan serta pembalakan untuk projek EKVE.



Perintah itu berkuasa sehingga mahkamah mendengar permohonan kedua belah pihak yang tarikhnya akan ditetapkan hari ini dalam prosiding pengurusan kes.

Melalui permohonan kebenaran yang difaikkan pada 11 April lalu, Persatuan Pencinta Alam Sekitar, Treat Every Environment Special Sdn Bhd dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) memohon membatakan keputusan JPNS menutup Taman Rimba Ampang untuk memberi laluan kepada projek EKVE.

Mereka juga memohon perisy-

tiharan kebenaran, permit, lesen atau lain-lain dokumen berkaitan yang diberikan ketiga-tiga responden untuk kerja pembinaan atau pembalakan berikut projek lebuh raya itu, adalah batal tidak sah dan salah di sisi undang-undang.

Mohon dibatalkan

Sehubungan itu, mereka memohon semua kebenaran, permit, lesen dan lain-lain dokumen yang diberikan responden berhubung tindakan mereka terhadap hutan simpan itu dibatalkan.

Pemohon turut menuntut perisyiharan tindakan responden itu

menggar Seksyen 10,11,12 dan 13 Akta Perhutanan Negara 1984, Seksyen 11, Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985, Seksyen 6B Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dan Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010.

Selain itu, pemohon memohon perisyiharan bahawa tindakan responden bercanggah dengan dasar kerajaan mengikut Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 iaitu Rancangan Fizikal Negara 1 dan 2 yang mengenalpasti semua taman negara dan negeri serta hutan tadahan air (termasuk Hutan Simpan Ampang) adalah kawasan sensitif alam sekitar tahap 1.

Headline	2,000 bot nelayan dibekalkan AIS		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	254 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,020
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,060



2,000 bot nelayan dibekalkan AIS

Oleh **ZABRY MOHAMAD dan UMMU HANI ASSAIDAH ABDULLAH**
pengarang@utusan.com.my

SABAK BERNAM 24 Mei – Kerajaan meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi memasang sistem perigenalan automatik (AIS) pada lebih 2,000 bot pukat tunda kelas B di seluruh negara secara percutma tidak lama lagi.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, dengan adanya peralatan tersebut, pihak berkuasa dapat memantau pergerakan bot-bot terbabit sekali gus memastikan keselamatan nelayan di dalamnya.

Menurutnya, sistem berkenaan

akan dipantau oleh Bilik Kawalan Jabatan Perikanan.

“AIS dapat digunakan untuk pelbagai tujuan seperti ketika operasi mencari dan menyelamat (SAR) serta menyelesaikan perselisihan kawasan menangkap ikan dengan nelayan dari negara jiran.

“Selain itu, ia dapat melindungi kawasan nelayan pantai daripada dicerobohi bot pukat tunda,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Ramah Mesra Bersama Nelayan Sungai Haji Dorani, di sini hari ini.

Yang turut hadir Pengerusi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Datuk Irmohizam Ibrahim dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Panjang, Budiman

Mohd. Zohdi.

Ahmad Shabery menambah, tender untuk membekalkan peralatan tersebut akan dikeluarkan bulan depan dan seterusnya dibekalkan kepada nelayan terlibat tidak lama selepas itu.

Mengulas mengenai ura-ura kerajaan PKR Selangor mahu mengenakan caj sebanyak RM600 bagi setiap bot nelayan yang ditambat di jeti di negeri ini, beliau memberitahu, perkara itu tidak seharusnya berlaku.

Hal demikian kerana jelasnya, kebanyakan jeti nelayan yang ada di negeri ini sama ada dibina ejak pentadbiran Barisan Nasional (BN) atau milik swasta.



AHMAD SHABERY CHEEK berdialog bersama nelayan sempena Majlis Ramah Mesra Bersama Nelayan Sungai Haji Dorani di Sabak Bernam, Selangor, semalam. - BERNAMA

Headline	Dedah bukti seleweng kepada umum		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	59 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,166
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,498



Dedah bukti seleweng kepada umum

KUALA LUMPUR 24 Mei - Ahli Parlimen Pandan, Rafizi Ramli mesti mendedahkan maklumat dan bukti tentang penyelewengan yang berlaku dalam kerajaan PKR Selangor kepada umum.

Penyelaras Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin berkata, kegagalan Rafizi berbuat demikian akan menyebabkan rakyat menuduh kepemimpinan PKR sebagai hipokrit.

Beliau yang juga bekas Ketua PKR Cabang Rembau memberitahu, isu tersebut tidak seharusnya diselesaikan melalui mekanisme dalaman parti sahaja tanpa disusuli tindakan serius.

“Bukti perlu didedahkan, biar rakyat menentukan masa depan pelaku dan pengkhianat yang dimaksudkan,” katanya dalam kenyataan melalui laman Facebook beliau hari ini.

Headline	Satu, dua, tiga lekuk...		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	178 cm ²
Journalist	ZULKIFLI JALIL	AdValue	RM 3,518
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,554



'Satu, dua, tiga lekuk...'

Oleh **ZULKIFLI JALIL**

pengarang@utusan.com.my

MELIHAT pakatan harapan dalam keadaan berkecamuk dan caca-marba, rakyat pun seolah-olah tidak mengharapkan mereka.

Belum pun masuk gelanggang pilihan raya kecil, sudah bertelaga. Dalam parti sendiri pun sudah berlaga.

Rafizi Ramli (Setiausaha Agung PKR) 'hentam' Datuk Seri Mohamed Azmin Ali (Timbalan Presiden PKR) manakala Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Presiden PKR) pula menjadi 'sandaran' Rafizi.

Di sebelah pihak lain pula, Lim Guan Eng (Setiausaha Agung DAP) dan bapanya, Penasihat DAP Lim Kit Siang bersikap 'tunggu dan lihat' situasi ini.

PAN, diketuai Mohamad Sabu pula menunggu peluang. Nak masuk ke tidak bertanding di Sungai Besar.

Kemelut pakatan harapan ketika ini menyorot kisah sang kancil yang dikatakan bijak itu

hendak menyeberangi sungai.

Sang kancil memberitahu buaya-buaya dalam sungai bahawa ia diarahkan oleh Raja Sulaiman untuk membilang kesemua buaya dalam sungai itu untuk membolehkan Raja Sulaiman memberikan mereka hadiah.

Maka, beraturlalu buaya itu di sepanjang sungai - dari tebing sebelah sini, sampailah ke tebing sebelah sana.

Sang kancil pun melompat ke atas belakang buaya-buaya itu

sambil menyanyi: "Satu dua tiga lekuk, jantan betina aku ketuk. Empat, lima, enam dan tujuh, lapan, sembilan dan 10, 11, 12 dan 13. Ekor kalian jangan melibas, 14, 15 dan 16, perintah Raja Sulaiman ditunaikan lekas."

Akhirnya sang kancil berjaya menyeberangi sungai. Lalu ia berkata: "Wahai buaya-buaya semua, tahukah kamu bahawa aku telah menipu kamu? Sekarang kamu bersurailah!". Tatkala itu, barulah buaya tahu bahawa mereka telah ditipu.

Ah, itu satu contoh strategi taktikal politik lama yang klasik. Adakah ini bentuk politik yang sedang 'dilakukan' pemain-pemain dalam pakatan harapan waktu ini?

Siapa yang kena lekuk?

Siapa pula 'sang kancil', si pemenang dalam kemelut peribuan calon pakatan harapan di Sungai Besar dan Kuala Kangsar?



RAFIZI RAMLI

MOHAMED AZMIN ALI

WAN AZIZAH WAN ISMAIL

Headline	PKR arah Rafizi lapor SPRM		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	14	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	122 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,590
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,769



PKR arah Rafizi lapor SPRM

KUALA LUMPUR 24 Mei - Suhu politik dalam PKR kini ‘menggelegak’ apabila Mesyuarat Biro Politiknya malam ini memutuskan agar Rafizi Ramli melaporkan mengenai dakwaan habuan wanita dan wang kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Keputusan tersebut dilihat bukan sahaja memberi tamparan hebat kepada Rafizi selaku Setiausaha Agung PKR, malah tidak mustahil bakal menggoncang kepemimpinan Datuk Seri Mohamed Azmin Ali sebagai Menteri Besar Selangor.

Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, Biro Politik PKR meramandang

serius pendedahan yang dibuat Rafizi menerusi perbualannya dalam kumpulan WhatsApp baru-baru ini mengenai habuan berkenaan.

“Berkait dakwaan wujud habuan yang didakwa Rafizi, Biro Politik PKR sudah membuat ketetapan saudara Rafizi perlu membawa bukti-buktinya ada pada beliau terus kepada SPRM.

“Pada masa yang sama Biro Politik PKR akan meneliti dakwaan tersebut dan sekiranya melibatkan ahli parti, ahli terbabit akan dihadap ke Jawatankuasa Disiplin,” katanya yang ditemani anaknya, Nurul Izzah Anwar di Ibu Pejabat PKR di sini malam ini.

Minggu lalu Rafizi menge-

sahkan beliau menulis mesej yang dihantar ke dalam kumpulan WhatsApp ‘Solidarity For Anwar’ berhubung dakwaan habuan wang dan wanita ketika berurusan dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Ahli Parlimen Pandan itu turut mengakui didatangi beberapa individu yang melahirkan kebimbangan mengenai tata kelola dalam kerajaan negeri pimpinan Mohamed Azmin.

Dalam pada itu ditanya mengenai kedudukan Rafizi, Wan Azizah berkata, tiada sebarang perbincangan mengenai jawatan Setiausaha Agung itu dibuat.

“Kita tak bincang tentang jawatan beliau,” katanya.

Headline	Jentera BN jangan alpa hadapi PRK		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	247 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,882
Frequency	Daily	PR Value	RM 14,645



MOHD. SHAFIE APDAL berucap dalam majlis perasmian Projek Perumahan Rakyat Miskin Tegar di Pulau Lihak-Lihak, Semporna, Sabah, semalam. - UTUSAN/IRWAN MAJID

Jentera BN jangan alpa hadapi PRK

SEMPORNA 24 Mei – Jentera pilihan raya Barisan Nasional (BN) diingatkan tidak alpa sebaliknya bekerja keras untuk memastikan calon parti itu dapat mencapai kemenangan dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar, Perak pada 18 Jun ini.

Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Mohd. Shafie Apdal berkata, jentera BN juga perlu bersedia menghadapi cabaran lebih getir untuk mempertahankan Parlimen Sungai Besar mermandangkan Selangor dipertintah oleh pakatan pembangkang.

Beliau berkata, faktor calon juga memainkan peranan pent-

ing, justeru terpulang kepada keputusan parti untuk memilih calon yang terbaik.

“Terlalu awal untuk meramal siapa akan menang, yang penting kerja keras kerana walaupun parti kita memerintah negara, kawasan itu terletak di negeri pembangkang.

“Jangan alpa, setiap perkara adalah cabaran, bukan hanya kita mendampingi masyarakat tetapi kehidupan rakyat juga perlu diambil perhatian sepanjang masa,” katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita ketika ditemui dalam Majlis Perasmian Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Kampung Sungai Barung di Pulau Li-

hak-Lihak di sini hari ini.

Kesemua 10 buah rumah PPRT yang telah siap dibina itu diluluskan ketika beliau masih menjawat jawatan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Sementara itu Mohd. Shafie berkata, meskipun tidak lagi berada di dalam Kabinet, beliau tetap menjalankan tanggungjawabnya sebagai Ahli Parlimen Semporna untuk membela nasib rakyat dan meneruskan dasar baik kerajaan.

“Saya masih ada gaji sebagai wakil rakyat, maka walau apa cara sekalipun saya akan bantu rakyat selain kerjasama dengan pihak swasta dan menubuhkan yayasan,” ujarnya.

Headline	Dua calon Pas diperkenalkan Jumaat ini		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Black/white
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	96 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,262
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,786



Dua calon Pas diperkenalkan Jumaat ini

KUALA LUMPUR 24 Mei - Pas akan mengumumkan nama dua calon yang bakal bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar, Perak, Jumaat ini.

Naib Presiden Pas, Idris Ahmad berkata, pihaknya masih belum memuktamadkan calon bagi kedua-dua kerusi itu kerana perlu mendapatkan pandangan daripada beberapa individu dalam parti.

"Buat masa ini, Pas tetap akan bertanding di dua-dua kerusi Parlimen itu, sebab itu memang kerusi kita," katanya kepada

pemberita di lobi Parlimen, di sini hari ini.

Ditanya mengenai kenyataan Presiden PKR, Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail yang mendakwa, Pas menjadi punca mesyuarat pakatan pembangkang baharu ditangguhkan, Idris yang juga Pengarah Pilihan Raya PRK Kuala Kangsar mempersoalkan dakwaan berkenaan.

"Pasal apa pula? Tiada kena mengena pun (dengan Pas). Masalah gaduh suami isteri, takkan jiran pula yang menentukan cerai atau tidak. Rumah orang kita mana kacau," katanya.

Menurut Idris, PAN dan PKR perlu jelas mengenai tujuan mereka bertanding dalam pilihan raya tersebut iaitu sama ada mahu menentang Barisan Nasional (BN) atau Pas.

"Tidak tepat jika PAN mengatakan tujuan bertanding dalam PRK nanti mahu menjadi pendamai. Nak berdamai untuk apa? PAN hendak lawan BN atau Pas?

"Pas bertanding di dua-dua kawasan itu sebab hendak lawan BN, jadi tidak timbul isu berdamai atau rampas hak orang," katanya.

Headline	Calon PRK Sungai Besar, Kuala Kangsar diumum Jumaat, Sabtu ini		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	262 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,178
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,535



TENGKU ADNAN TENGKU MANSOR (tengah) meninjau kualiti padang selepas merasmikan Padang Bola Sepak Bandar Tun Razak di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/SHAIFUDIN MOHD. NOR

Calon PRK Sungai Besar, Kuala Kangsar diumum Jumaat, Sabtu ini

KUALA LUMPUR 24 Mei - Pengurus Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Najib Tun Razak akan mengumumkan calon yang bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar pada Jumaat dan Sabtu ini.

Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor berkata, beliau telah bertemu dengan Najib yang juga Presiden UMNO dan dimaklumkan nama-nama calon akan diumumkan hujung minggu ini.

"Nama-nama calon yang bersesuaian di kedua-dua negeri terbabit telah diserahkan. Ramai

calon, saya tidak mahu sebut berapa dan barangkali bertindih juga dengan orang yang sama dicadangkan melalui ibu pejabat (UMNO), negeri, pemuda dan wanita.

"Selalunya kita meletakkan orang tempatan sebagai calon," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Padang Bola Sepak Bandar Tun Razak, di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua UMNO Bahagian Bandar Tun Razak, Datuk Rizalman Mokhtar; Pengarah Eksekutif (Pengurusan Projek) Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Seri Syed Afandy

Ali Syed Abid Ali; Pengarah Majlis Sukan Wilayah Persekutuan, Mohd. Razlan Muhammad Rafii dan Pengarah Urusan Sinerjuta Sdn. Bhd., Tan Sri KK Chai.

PRK Parlimen Sungai Besar dan Kuala Kangsar bakal berlangsung serentak pada 18 Jun dengan hari penamaan calon ditetapkan pada 5 Jun ini.

Kerusi Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar kosong berikutan kematian penyandangnya, Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad dan Datuk Noriah Kasnon dalam naas helikopter di Sebuyau, Sarawak, 5 Mei lalu.

Headline	Elak perbuatan mensabotaj parti		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	25 May 2016	Circulation	171,663
Section	Dlm Negeri	Readership	563,000
Page No	13	ArticleSize	225 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 4,447
Journalist	N/A	PR Value	RM 13,341
Frequency	Daily		



Elak perbuatan mensabotaj parti

SEMALAM difahamkan nama calon yang akan dipilih mewakili Barisan Nasional (BN) bagi mempertahankan kerusi Parlimen Kuala Kangsar dan Sungai Besar pada pilihan raya kecil kedua-dua kawasan itu sudah diserahkan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Pengumuman pula dijangka diadakan pada Jumat ini.

Namun begitu sehingga ke saat-saat akhir masih ada individu yang terus berusaha melobi untuk menjadi calon tidak kira sama ada di Kuala Kangsar mahupun di Sungai Besar. Sememangnya tidak salah berbuat demikian biarpun ada antara mereka sudah menjadi wakil rakyat atau pernah menjadi wakil rakyat se-lama berpenggal-penggal.

Seharusnya peluang diberikan kepada muka baru dan bukannya kepada calon yang akan dianggap oleh pengundi seolah-olah BN ‘tidak ada muka lain’ atau ‘kitar semula’.

Apapun segalanya terserah kepada pucuk pimpinan parti untuk membuat keputusan, tetapi apa yang tidak begitu enak didengar ialah bagaimana ada dalam kalangan mereka yang bercita-cita menjadi calon ini sudah mengatur strategi dan menyediakan ‘peluru’. Malangnya ia bukanlah bertujuan untuk menumpaskan parti lawan sebaliknya mahu memastikan calon parti sendiri tewas.

Setakat ini, mereka bersedia melabur beribu-ribu ringgit semata-mata untuk memastikan nama mereka tersenarai walaupun hakikatnya ada antara mereka ketika menjadi wakil rakyat dahulu banyak masalah rakyat diabaikan.

Ini belum lagi mengambil kira bagaimana pakatan dilakukan bagi memastikan pengundi tidak memilih calon BN dalam pilihan raya kecil yang diadakan. Mungkin apa yang dinyatakan ini akan dinafikan, tetapi hakikatnya inilah ancaman yang akan dihadapi oleh jentera BN dalam berhadapan dengan pilihan raya kecil



di kedua-dua kawasan itu.

Justeru kepemimpinan parti di peringkat pusat perlu menyusun strategi dari sekarang bagi mengelakkan perbuatan sabotaj berlaku. Perlu diingat biarpun pakatan pembangkang sedang bertelagah tetapi ia bukanlah kelebihan kepada BN.

Penulis menerima banyak maklumat mengenai apa yang berlaku khususnya di Kuala Kangsar menjelang pilihan raya kecil di kawasan tersebut. Ada pemimpin UMNO berpakat untuk memastikan calon pilihan parti tewas. Ia termasuklah mengatur strategi bagi menghasut pengundi yang menyokong BN atau istilah pengundi putih beralih arah menjadi ‘pengundi hitam’.

Semua perkembangan ini harus dijadikan isyarat kepada kepemimpinan parti membuat persiapan bagi menghadapi perbuatan sabotaj tersebut. Tindakan tegas perlu dilakukan dari awal untuk memastikan manapun individu yang berpotensi menjadi ‘pengkhianat’ kepada parti ‘dikuarantinkan’. Mereka tidak harus dibenarkan mencampuri sebarang urusan kempen.

Jika langkah itu tidak dilakukan percayalah harapan BN untuk mempertahankan kedua-dua kawasan tersebut akan tergugat dan sia-sialah jerit payah jentera parti tersebut yang datang dari seluruh negara bagi memastikan kemenangan BN. Oleh itu bertindaklah sebelum terlambat.

Bagaimanapun penulis percaya Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr.Ahmad Zahid Hamidi dan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein mempunyai cara tersendiri bagi mengenal pasti siapa yang mensabotaj parti. Apakah caranya, jentera BN di Kuala Kangsar sudah pasti mengetahuinya!

Headline	PAN maju jadi pendamai Pas PKR		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	13	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	81 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,616
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,848



PAN maju jadi pendamai Pas-PKR

KUALA LUMPUR 24 Mei

- Tujuan utama PAN bertanding dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Sungai Besar, Selangor dan Kuala Kangsar, Perak adalah untuk menjadi pendamai antara Pas dan PKR.

Pengarah Komunikasi PAN, Khalid Samad berkata, situasi dingin antara PKR dan Pas ketika ini akan menjelaskan hubungan dan pentadbiran kerajaan negeri di Selangor.

“Bagi PAN, biarlah kami yang bertanding kerana kita tidak mahu Pas dan PKR bergaduh sebab ini akan menjelaskan hubungan di dalam kerajaan negeri,” katanya kepada pemberita di lobi Parlimen hari ini.

Tambah Khalid, PKR masih berusaha berunding dengan Pas untuk memastikan kedua-dua pilihan raya itu melibatkan pertembungan satu lawan satu.

Katanya, jika Pas menarik diri maka PKR akan mengambil alih bertanding dalam pilihan raya tersebut ramun kaedah itu tidak boleh diguna pakai.

“Walau bagaimanapun, siapa yang layak bertanding dengan Barisan Nasional (BN) di dua kawasan Parlimen itu akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Presiden minggu ini,” katanya.

Headline	LEBIH KALUT PARTI DARI PENGUNDI		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	25 May 2016	Circulation	171,663
Section	Dlm Negeri	Readership	563,000
Page No	10	ArticleSize	465 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 9,190
Journalist	N/A	PR Value	RM 27,571
Frequency	Daily		



LEBIH KALUT PARTI DARI PENGUNDI



TAKDIR telah merentukan kerusi Parlimen kosong secara serentak lagi kawasan Sungai Besar di Selangor dan Kuala Kangsar di Perak. Segalanya berlaku bagaikan sekelip mata. Sedih tetapi menyelubungi, sendu suci berakhir bila mengenang nahas elikopter di Sebuyau, Sarawak empoh hari yang turut mengorbanan dua ahli Parlimen di kedua-dua kawasan berkenaan. Namun demikianlah ketetapan Ilahi.

Apa pun, sumbangan besar bekas dua wakil rakyat: Datul Noriah Kasnon di Sungai Besar dan Datuk Wan Mohammad Khairil Anuar Wan Ahmad di Kuala Kangsar tetap di hati rakyat tempatan. Malangnya, misi perjuangan mereka terhenti di pertengahan jalan.

Pun begitu, pengundi dikedua-dua kawasan Parlimen berkenaan bukan sukar membuat pilihan dalam menghadapi dua pilihan raya kecil (PRK) di kedua-dua kawasan itu. Mereka sudah tahu, alami dan rasai apa yang terbaik bagi mereka. Lagi pun kali ini PRK, di mana apa juar keputusan yang bakal ditentukan pengundi tidak akan merubah struktur pemerintahan negara.

Juga bermakna, rakyat empatan tidak perlu 'disogok' lengkap isu-isu 'kitaran semula' atau yang tidak ada kaitan dengan 'spirasi' tempatan. Barangkali mereka lebih berminat meniru *cacak pemikiran* pengundi Sarawak yang lebih fokus kepada keperluan sebenar kehidupan harian mereka dalam memilih parti dan alon.

Melalui pengalaman dalam banyak PRK, hanya parti-parti bertanding saja 'bersusah payah' memancing pengaruh dan undi melalui pelbagai kaedah kempen,

namun akhirnya pengundi menentukan pilihan mereka berdasarkan parti yang mereka anggap stabil serta calon yang boleh memteri perkhidmatan terbaik untuk mereka.

Barisan Nasional (BN) telah menyenarai-pendek calon-calon yang bakal diketengahka. Asas pemilihannya menjurus kepada kualiti calon serta mengukur kadar penerimaan rakyat terhadap tokoh yang akan dipertaruhkan. Beberapa tokoh sudah disebut-sebut. Tegasnya, BN tidak menghadapi ketandusan calon.

Banyak pihak dalam BN menyatakan kesediaan untuk akur dan menerima siapa saja pilihan yang ditentukan oleh pucuk pimpinan parti. Tidak timbul 'amaran' dan tidak timbul 'keraguan'. Baguslah begitu. Memang tidak sepaututnya pun timbul sebarang masalah dalam parti tentang isu pemilihan calon. Yang terpilih nanti tentunya sudah diambil kira dari segi 'kelebihan' pelbagai sudut dan memiliki sedikit sebanyak keistimewaan.

Sebaliknya, parti-parti pembangkang awal-awal lagi kelihatan 'kalut'. Bukan saja kalut memilih calon tetapi kalut menentukan parti mana yang akan meletakkan calon untuk bertanding di kedua-dua kawasan. Ini seakan mengulangi fenomena 'bertanding sesama sendiri' seperti yang berlaku dalam Pilihan Raya Negeri Ke-11 (PRN-11) Sarawak baru-baru ini.

Pas menyatakan pendirian untuk bertanding di kedua-dua kawasan. Kononnya mereka yakin meraih sokongan khususnya pengundi-pengundi Melayu. Tapi tidak pula dinyatakan harapan kepada sokongan pengundi Cina, India serta lain-lain.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang minta DAP, PKR dan PAN 'ukur baju di badan sendiri' sebelum mengidamkan pencalonan di Sungai Besar dan Kuala Kangsar. Tidak banyak boleh ditafsirkan apa maksud Abdul Hadi selain menampakkan ke-

pada umum bahawa beliau bermaksum Pas memiliki tapak yang lebih baik di kedua-dua kawasan berbanding parti-parti lain dalam pembangkang.

Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali muah Pas bertanding di Sungai Besar. Beliau pelawa Pas berunding mengenai pencalonan di kawasan berkenaan. Tetapi Presiden PKR, Datin Seri Wan Azizah Wan Ismail berkata: "Itu hanya pandangan Azmi...bukan pendirian PKR".

Di Perak, Pengurus DAP negeri, Ngah Kor Ming juga menyuarakan cadangan untuk berunding dengan Pas bagi menentukan calon di Kuala Kangsar. Apa pun Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng menolak sebarang pencalonan dari Pas.

Sungai Besar terletak di Selangor. Kerajaan Selangor masih dikongsi oleh PKR, DAP dan Pas. Tetapi dalam masa sama, Pas sudah 'bercerai' dengan DAP. Secara jelasnya, Pas tidak mudah mendapat sokongan pengundi Cina tanpa bekerjasama DAP.

PAN juga cuba 'memperluas langkah' di Selangor. Nyatanya DAP lebih menerima PAN dari Pas. Tidak dapat diagak, apa pula pandangan sebenar PKR yang menerajui kerajaan Selangor terhadap DAP, Pas dan PAN?

Benarlah ada pandangan setengah pihak, bahawa pakatan pembangkang hanya boleh berpapak pada nama atau di atas kertas, namun akan membuat pendirian

sendiri apabila tiba masa untuk bertanding dalam pilihan raya. Contoh yang paling ketara adalah di Sarawak. Akibatnya rakyat Sarawak 'menolak' mana-mana parti yang mereka anggap tidak teguh dan tidak kukuh berpadu.

Jika demikian wujudnya suasana dalam kalangan parti pembangkang, tentu rakyat di kedua-dua kawasan mudah membuat penentuan awal parti mana yang mereka bakal pilih pada PRK 18 Jun ini. Tidak perlu bagi mereka mengikuti kempen atau ceramah-

Headline	LEBIH KALUT PARTI DARI PENGUNDI		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	465 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,190
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,571

ceramah umum kerana yang hanya akan didapati nanti adalah umpama ayam: "kokok berderai-derai, ekor bersalut najis".

BN tentunya akan mempertaruhkan calon UMNO di kedua-dua kawasan. Sungai Besar dan Kuala Kangsar sememangnya kawasan UMNO. Cabaran UMNO adalah menentukan calon yang berkualiti dan menepati aspirasi pengundi tempatan. Apa yang diharapkan pengundi ialah calon yang bakal dipertaruhkan mestilah mampu meneruskan legasi wakil-wakil rakyat terdahulu.

Kalangan anggota UMNO sudah pasti akan mempamerkan kepada umum bahawa tidak ber-

bangkit soal tiada kepuasan hati di mana-mana, hatta soal pemilihan calon kerana apa yang lebih penting adalah maruah, kestabilan dan kejayaan parti.

Aspek lain yang bakal diterjemah dalam kalangan anggota UMNO tentunya nilai kesetiaan, kepatuhan pada disiplin dan peraturan serta memahami roh sebenar perjuangan parti. Segala nilai dan semangat perlu diperbaharui sesuai dengan capaian usia 70-tahun parti keramat bagi orang Melayu itu. Pun begitu, segala-galanya terletak pada kesimpulan yang bakal dibuat oleh pengundi di kedua-dua kawasan.

DATUK SAYUTI MUKHTAR ialah Felo Jabatan Hal Ehwal Khas (Jasa), Kementerian Komunikasi dan Multimedia.



Sebaliknya, parti-parti pembangkang awal-awal lagi kelihatan 'kalut'. Bukan saja kalut memilih calon tetapi kalut menentukan parti mana yang akan meletakkan calon untuk bertanding di kedua-dua kawasan.



25 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Johari Mohd Ali • Section: Nasional • Page: 25 • Printed Size: 506.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 17,375.00
PR value: MYR 52,125.00 • Item ID: MY0026106756

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 3 of 4

Hutan Simpan Ampang


Info

- **Keluasan** 106.65 hektar.
- **Diwartakan** sebagai hutan simpan kekal pada 1913.
- **Diklasifikasikan semula** sebagai hutan ta-
- dahan air pada 2 Oktober 1999.
- **Termasuk dalam** Taman Negeri Selangor pada 2007.
- **Masih diwartakan** sebagai hutan simpan kekal.

Headline	Tampilkan calon Sungai Besar yang diyakini		
MediaTitle	Utusan Malaysia	Color	Full Color
Date	25 May 2016	Circulation	171,663
Section	Dlm Negeri	Readership	563,000
Page No	10	ArticleSize	525 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 10,471
Journalist	ABDUL YAZID aijas	PR Value	RM 31,413
Frequency	Daily		



Tampilkan calon Sungai Besar yang diyakini



PILIHAN Raya Kecil (PRK) Parlimen Sungai Besar yang bakal berlangsung pada 18 Jun ini menyaksikan seramai 42,836 pengundi akan menunaikan tanggungjawab masing-masing bagi memilih wakil mereka di Dewan Rakyat. Daripada jumlah itu, seramai 28,776 pengundi terdiri daripada kaum Melayu diikuti Cina (13,142) manakala pengundi India berdasarkan daftar emilih pada 9 Mac 2016 adalah seramai 820 orang.

Sementara itu, baki jumlah pengundi lagi adalah terdiri daripada bumiputera Satah dan Sarawak masing-masing seramai 25 dan 14 orang diikuti Orang Asli dan lain-lain masing-masing tiga dan 56 pengundi.

Melihat daripada pecahan kaum di kawasan Parlimen Sungai Besar itu, maka jelas bahawa pengundi Melayu dan Cina adalah dia kumpulan terbesar yang mempengaruhi PRK itu nanti. Malah pola pembahagian jumlah terbesar pengundi melibatkan dua kaum itu dapat disaksikan menerusi statistik dua kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) iaitu DUN Sungai Panjang yang pengundi Melayu mewakili 83.16 peratus iaitu 22,227 orang berbanding pengundi Cina seramai 3,976 orang atau 14.88 peratus di kawasan itu.

Berbeza dengan kawasan DUN Sekinchan, pengundi Melayu di kawasan itu hanya 6,54% orang (40.66 peratus) berbanding pengundi Cina yang mencatatkan 9,166 orang atau 56.90 peratus. Walaupun perbezaannya hanyalah sebanyak 2,617 pengundi, jumlah itu cukup signifikan dalam memastikan kemenangan calon yang bertanding di kawasan Parlimen tersebut khususnya Barisan Nasional (BN) yang akan mempertahankan kerusi.

Prinsip pertandingan cukup mudah, siapa calon atau dari parti mana mereka datang sekiranya mampu meyakinkan dua kumpulan pengundi itu maka laluan untuk menang pula PRK Parlimen itu dikira sudah selesa.

Paling minimum, seseorang calon perlu mendapatkan 24,000 undi atau lebih untuk berada dalam kedudukan sedemikian, itu pun jika PRK berlaku dalam suasana

pertandingan satu lawan satu selain andaian semua pengundi yang berdaftar menunaikan tanggungjawab masing-masing.

Walaupun parti-parti politik sama ada di blok kerajaan (BN) maupun pembangkang (PKR, DAP, PAN dan Pas) setakat ini masih belum mengumumkan calon masing-masing dalam PRK Parlimen Sungai Besar, namun bahagya sudah pun dirasai meskipun tarikh penamaan dan permulaan kempen bermula 5 Jun ini.

Namun, bibit-babit permulaan kepada proses PRK Parlimen Sungai Besar itu sudah pun menunjukkan keadaan yang tidak stabil melibatkan blok pembangkang yang ketika ini bertelagah dalam kalangan mereka untuk menentukan siapa yang layak meletakkan calon bertanding di kawasan Parlimen itu.

Pas secara terbuka mahu meletakkan calon mereka untuk bertanding atas alasan Parlimen Sungai Besar itu adalah kerusi tradisi yang ditandingi parti itu sejak tahun 50-an lagi. Sementara itu, PAN turut berniat meletakkan calon mereka atas alasan Pas bukan lagi sebahagian pakatan pembangkang.

Malah, Pengurus PAN Selangor, Izham Hashim dilaporkan menerusi media menegaskan akan menggunakan kedudukannya dalam Majlis Pimpinan Pakatan (MPP) untuk meyakinkan sekutunya, PKR dan DAP supaya memberi 'restu' kepada parti itu untuk bertanding di Parlimen Sungai Besar.

Sekiranya Pas mahu meletak calon dan bertanding, sepatutnya PRK, DAP dan PAN perlu membarkan sahaja niat Pas itu kerana secara rasminya tidak terikat dengan perjanjian pakatan pembangkang. Jika ada kerjasama pun, melibatkan PRK sahaja dan bukanlah dikira secara rasmi kerana pakatan pembangkang yang dibentuk semasa Pilihan Raya Umum (PRU) Ke-13 sudah tidak lagi wujud.

Samalah juga dengan Pas, parti itu perlu menerima hasrat

PAN meletak calon dan bertanding di kerusi Parlimen Sungai Besar termasuklah menghormati hak DAP dan PKR sekiranya parti itu turut berminat meletak calon Melayu di situ. Soal kalah menang, itu cerita lain kerana tindakan sedemikian dilihat selaras dengan prinsip demokrasi yang dilaung-laungkan oleh pembangkang setiap kali pimpinan mereka berceramah di serata ceruk di negara ini.

Mungkin ada yang berpandangan sebegini tidak berlandaskan strategi politik yang mantap. Namun mungkin itulah antara cara terbaik bagi menundukkan 'ego' dalam kalangan parti pembangkang yang dilihat sanggup berbuat apa sahaja demi survival politik mereka. Mungkin pergeseran di antara parti-parti pembangkang ini dijangka terus berlarutan selepas PRK Parlimen Sungai Besar sehingga galah kepada PRU Ke-14 akan datang. Mereka wujudkan pakatan, mereka juga lah yang khianati sendiri pakatan yang mereka bina itu.

Paling memalukan, pergeseran di antara parti pembangkang itu dilihat meleret-leret sehingga wujudnya pelbagai dakwaan hingga ke tahap menjelekkan seperti ugut-mengugut, habuan wang serta perempuan dan sebagainya.

Dari sudut lain, pertelingkan dalam penentuan calon pembangkang ketika ini mungkin boleh dijadikan teladan dan peringatan awal buat pengundi khususnya di Parlimen Sungai Besar dalam menentukan pihak mana yang boleh diharapkan untuk membela masa depan mereka.

BN pula tidak harus mengambil mudah atau merasa selesa dengan pergeseran parti-parti pembangkang ketika ini sebaliknya perlu berusaha keras dengan mengambil peluang meyakinkan rakyat di kawasan Parlimen berkenaan termasuklah menampilkan calon yang benar-benar diterima rakyat. Berdasarkan keputusan PRU Ke-13, penyandang kerusi itu sebelum ini, Allahyarham Datuk Noriah Kasnon hanya memenangi majoriti tipis 399 undi menentang calon Pas, Mohd. Salleh M. Husin.

Justeru, dalam soal calon, BN perlu menitikberatkan kehendak sebenar pengundi di kawasan

Headline	Tampilkan calon Sungai Besar yang diyakini		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 May 2016	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	171,663
Page No	10	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	525 cm ²
Journalist	ABDUL YAZID aijas	AdValue	RM 10,471
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,413

Parlimen itu. Kriteria seperti ke-layakan akademik, anak tempatan, mempunyai hubungan baik di antara masyarakat pelbagai kaum, tiada isu peribadi, telah menunjukkan komitmen tinggi dalam memberi khidmat kepada rakyat sudah pastinya menjadi ukuran pengundi. Pada masa sama, BN perlu memastikan tiada sebarang unsur sabotaj atau adanya mana-mana pemimpin atau ahli parti itu bertindak secara sendiri dengan menjadi calon Bebas kerana jika berlaku bakal memberi kesan kepada prestasi BN pada PRK berkenaan.



PENGERUSI Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Datuk Seri Mohd. Hashim Abdullah (kiri) diberi penerangan mengenai kawasan PRK Parlimen Sungai Besar, Selangor oleh Pegawai Pengurus PRK Sungai Besar (kanan) Mohd. Khairuddin Md. Som di ibu pejabat SPR , Putrajaya, 13 Mei lalu. - BERNAMA



25 May 2016
Berita Harian, Malaysia

Author: Ahmad Johari Mohd Ali • Section: Nasional • Page: 25 • Printed Size: 506.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 17,375.00
PR value: MYR 52,125.00 • Item ID: MY0026106756

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJANAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: setiahs@ns.gov.my



Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 4 of 4





25 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 25 • Printed Size: 232.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 4,585.32
PR value: MYR 13,755.96 • Item ID: MY0026107296

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDU AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



M. SELVENTHIRAN (depan, enam dari kiri) bersama penduduk lima kampung mengadakan demonstrasi aman di hadapan tapak projek Lebuh Raya Pantai Barat, Batu 4, Kampung Jawa, Klang, Selangor, semalam. - UTUSAN/ABDUL RAZAK IDRIS

Lima kampung majoriti India bakal lenyap di Klang

KLANG 24 Mei - Lima buah kampung yang majoritinya didiami masyarakat India di kawasan Kota Raja di sini bakal lenyap sekiranya kerajaan PKR Selangor terus berdegil mahu meneruskan projek pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat (LPB) di atas tanah mereka.

Presiden Persatuan Sejahtera Kebangsaan, M. Selventhiran yang mengetuai bantahan pelaksanaan projek itu hari ini berkata, kerajaan negeri tidak sepatutnya membenarkan projek itu diteruskan tanpa adanya sebarang perbincangan dengan para penduduk kampung yang terlibat terlebih dahulu.

Lima kampung terbabit katanaya, ialah Kampung Mariamman, Kampung Datuk M. Sellathevan,

Kampung Tengavellu, Kampung Papa dan Kampung Jawa.

"Tindakan membenarkan projek lebuh raya itu dilaksanakan seolah-olah kerajaan negeri khususnya Menteri Besar, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali ingin lenyapkan lima kampung tradisi orang India di negeri ini," katanya kepada pemberita selepas mengadakan bantahan aman di tapak projek LPB di Kampung Jawa di sini hari ini.

Tambah Selventhiran, pihaknya turut kesal dengan sikap angkuh kerajaan negeri yang sehingga kini tidak melayan memorandum bantahan wakil penduduk pada 14 Disember tahun lalu.

Katanya, memorandum itu berkenaan dengan keimbangan mereka terhadap pelaksanaan pro-

jem lebuh raya itu akan menyebabkan lebih 300 keluarga kehilangan tempat berteduh yang telah diduduki sejak tahun 70-an lagi.

"Selain itu, kami juga kesal dengan Majlis Perbandaran Klang (MPK) membenarkan projek ini dimulakan di sini tanpa papan tanda projek yang sah. Beginikah cara kerajaan yang prihatin melayan rakyat di negeri ini.

"Pihak kami memberi tempoh seminggu untuk pihak kerajaan negeri menghentikan projek lebuh raya ini. Kami tidak teragak-agak untuk turun ke Parlimen Sungai Besar semasa kempen pilihan raya kecil nanti dan memberitahu kepada rakyat di situ mengenai tindakan zalim kerajaan negeri ini terhadap kami," ujarnya.



25 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 38.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 751.04
PR value: MYR 2,253.12 • Item ID: MY0026107297

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahsorong@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



BENGKEL CUTI SEKOLAH

KELAS membuat *chicken crispy frozen food* adakan diadakan pada 29 Mei ini bermula pukul 9 pagi hingga 1 tengah hari di Bilik Local Agenda Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Yuran yang dikenakan adalah serendah RM25 sahaja dan peserta diminta berkumpul di lobi MPAJ dan perlu membawa bekas untuk mengisi ayam.

Mereka yang berminat boleh menghubungi Jay di talian 03-42803961.



KEJOHANAN BOLA SEPAK 9 SEBELAH

KEJOHANAN tertutup anjuran Majlis Daerah Kuala Langat ini akan diadakan di Stadium Jugra Telok Datok dan Padang Awam Kampung Sungai Buaya pada 28 dan 29 Mei ini.

Dengan yuran RM100, peserta mendapat kemeja percuma selain peluang merebut hadiah johan setinggi RM3,000 berserta piala dan medal, naib johan (RM1,500) selain tempat ketiga dan keempat (RM750).

Untuk keterangan lanjut boleh menghubungi Shahimy (013-3242323 atau Nizam (012-6397015).





PERTANDINGAN KEJIRANAN TERBAIK

PERTANDINGAN ini terbuka kepada semua taman perumahan di bawah pentadbiran Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dengan setiap taman perlu mengemukakan permohonan melalui Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk zon masing-masing.

Tiga kategori dipertandingkan iaitu perumahan teres, bertingkat kos sederhana dan bertingkat kos rendah dengan minimum 50 unit rumah bagi setiap penyertaan. Setiap kategori melibatkan hadiah sebanyak RM15,000 wang tunai. Penyertaan mesti dikemukakan sebelum atau pada 31 Mei ini dan penilaian akan dibuat sepanjang Oktober sehingga November depan.





25 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 46.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 909.16
PR value: MYR 2,727.48 • Item ID: MY0026107298

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

DILARANG PANCING

■ SEKARANG semakin ramai yang mengambil kesempatan terutama di waktu malam untuk memancing ikan di tasik di bawah seliaan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Saya harap keadaan ini dipantau bagi memelihara populasi ikan.

PEMANCING BERETIKA, 27
Petaling Jaya

JAWAPAN: Unit Urban Force,
Jabatan Pengurusan, MBPJ

telah melaksanakan operasi jala dan memancing sebanyak empat kali pada tahun ini. Hasil daripada operasi tersebut, sebanyak 15 sitaan dilakukan terhadap orang awam yang telah menjalankan kegiatan tersebut. MBPJ memandang serius perkara ini bagi mengawal habitat dan pembiakan ikan di tasik tersebut.

MOHD. AZIZI MOHD. ZAIN
Datuk Bandar Petaling Jaya



25 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 38.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 751.04
PR value: MYR 2,253.12 • Item ID: MY0026107356

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1



PROGRAM PUBLISITI DAN PENYERTAAN AWAM
CADANGAN tambahan penyelarasan kelas kegunaan tanah bagi draf rancangan tempatan Majlis Perbandaran Selayang (Pengubahan 4) 2020 di bawah Seksyen 16 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 akan diadakan dari 12 Mei hingga 12 Jun ini.
Program ini bermula pada pukul 9 pagi hingga 4 petang bertempat di Lobi Menara MPS.



25 May 2016
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Dlm Negeri • Page: 27 • Printed Size: 30.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 592.93
PR value: MYR 1,778.79 • Item ID: MY0026107357

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

PEJABAT BERGERAK MBSA

JADUAL lokasi untuk minggu ketiga adalah di Plaza Shah Alam di Seksyen 9 pada 28 Mei.

Jadual tertakluk kepada perubahan.

Perkhidmatan yang disediakan adalah laporan aduan, semakan, bayaran kompaun serta cukai taksiran, semakan status lesen dan jualan kupon letak kenderaan.





Cabar Kerajaan Negeri Selangor

Kuala Lumpur: Tiga pertubuhan alam sekitar memfailkan permohonan semakan kehakiman untuk mencabar keputusan Kerajaan Negeri Selangor dan dua lagi berhubung isu pemberian permit bagi kerja pembinaan serta pembalan-kan untuk projek Lebuh Raya Lingkaran Luar-Hubungan Timur (EKVE).

Persatuan Pencinta Alam Sekitar, Treat Every Environment Special Sdn Bhd dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (PEKA) memfailkan permohonan itu pada 11 April lalu di pejabat pendaftar Mahkamah Tinggi, di sini, melalui Tetuan Skrine.

Mereka menamakan Ke-rajuan Negeri Selangor, Ja-

batan Perhutanan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sebagai responden.

Taman Rimba Ampang adalah akses utama bagi orang awam ke Hutan Simpan Ampang yang terletak di dalam Taman Warisan Selangor.

Peguam Kwan Will Sen yang mewakili ketiga-tiga pertubuhan itu ketika dihubungi berkata, Mahkamah Tinggi sudah mene-tapkan hari ini untuk pe-njurusan kes.

Berdasarkan pernyataan tuntutan, mereka mendakwa Hutan Simpanan Ampang mula diwartakan sebagai hutan simpanan kekal pada 1913 dan diklasifikasi sebagai hutan tada-

han air pada 2 Oktober 1999.

Pada 9 Januari 2016, respon-den menutup Taman Rimba Ampang bagi mem-beri laluan bagi membina EKVE iaitu lebuh raya bertol yang dicadangkan meng-hubung Bandar Sungai Long dan Ukay Perdana.

Mereka mendakwa pe-nutupan dan kelulusan projek EKVE itu adalah ti-dak sah dan salah di sisi undang-undang kerana hu-tan itu belum dikeluarkan daripada wartanya sebagai status hutan simpan kekal sehingga hari ini.

Mereka juga mendakwa semua responden menya-lahgunakan kuasa berka-nun dan boleh menyebab-kan kerosakan kekal.

Headline	Invest Selangor lancar laman web		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	25 May 2016	Color	Black/white
Section	Bisnes	Circulation	1,270,667
Page No	49	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	85 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,962
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,885



Invest Selangor lancar laman web

Shah Alam: Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) semalam melancarkan laman web baharu, www.investselangor.my, sebagai platform untuk menarik lebih ramai pelabur asing dan tempatan melabur di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana, dan Pengangkutan Negeri, Datuk Teng Chang Khim berkata, laman web itu bertujuan mempromosi dan memperkenalkan Selangor sebagai destinasi pelaburan utama di Malaysia.

"Laman web baharu ini tepat pada masanya dan boleh diakses pada peranti mudah alih serta mengandungi pelbagai informasi terkini mengenai Selangor termasuk berkaitan de-

ngan peluang pelaburan di negeri ini.

"Mengikut rekod Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA), Selangor mencatatkan modal pelaburan berjumlah RM124.43 bilion pada tahun lalu selain pelaburan langsung asing sebanyak RM63.3 bilion," katanya selepas melancarkan laman web itu di sini, semalam.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor, Hasan Azhari Idris.

Teng berkata, Invest Selangor akan memberi tumpuan kepada lima kluster industri sebagai langkah memacu pertumbuhan ekonomi negeri, iaitu sains hayat, makanan dan minuman, elektrik dan elektronik, peralatan pengangkutan serta mesin dan kelengkapan. - BER NAMA



25 May 2016
Kosmo, Malaysia

Author: No author available • Section: Negara • Page: 10 • Printed Size: 577.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 14,974.00
PR value: MYR 44,922.00 • Item ID: MY0026107089

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 3, BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahselangor@gmail.com



sientia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 2

3 NGO dibenar cabar tindakan Jabatan Perhutanan tutup Taman Rimba Ampang

Projek lebuh raya EKVE digantung

KUALA LUMPUR - Tiga pertubuhan alam sekitar dibenar mencabar keputusan Jabatan Perhutanan Negeri Selangor yang menutup Taman Rimba Ampang dekat Bukit Belacan bagi kerja-kerja pembinaan Lebuh Raya Lembah Klang Timur (EKVE).

Tiga pertubuhan itu ialah Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka), Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) dan Treat Every Environment Special Sdn. Bhd.

Peguam Kwan Will Sen yang mewakili ketiga-tiga pertubuhan ketika dihubungi *Bernama* memaklumkan, Mahkamah Tinggi memberi kebenaran bagi semakan kehakiman untuk mencabar keputusan Jabatan Perhutanan itu pada 11 Mei lepas.

Mengikut permohonan semakan kehakiman itu, tiga pertubuhan berkenaan memperoleh perintah sementara daripada Mahkamah Tinggi supaya projek EKVE digantung sehingga selesai semakan kehakiman tersebut.

Mahkamah menetapkan hari ini sebagai tarikh untuk pengrusan kes bagi semakan kehakiman itu. Akhbar memperoleh salinan permohonan itu se-

malam.

Dalam permohonan semakan kehakiman itu, pertubuhan berkenaan menamakan kerajaan negeri Selangor, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sebagai responden pertama hingga ketiga.

Pertubuhan itu antaranya memohon perintah certiorari bagi membatalkan keputusan Jabatan Perhutanan untuk menutup Taman Rimba Ampang yang merupakan akses utama untuk orang awam ke Hutan Simpan Ampang bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembinaan EKVE.

Mereka juga memohon deklarasi bahawa kebenaran, permit dan lesen yang diberikan oleh ketiga-tiga responden untuk kerja-kerja pembinaan dan/atau pembalakan bagi projek EKVE di Hutan Simpan Ampang yang terletak dalam Taman Warisan Negeri adalah batal, tidak sah dan salah di sisi undang-undang.

Pemohon berkata, Hutan Simpan Ampang masih diwartakan sebagai hutan simpan kekal, jadi aktiviti penebangan pokok dan pembalakan adalah melanggar undang-undang.

Mereka berkata, sebarang aktiviti pembangunan juga akan menjejaskan bekalan air untuk keperluan penduduk di kawasan sekitar serta mengancam kepelbagaiannya biologi dan keseimbangan ekosistem.

Projek EKVE adalah cadangan pembinaan lebuh raya bertol bagi menghubungkan Bandar Sungai Long dan Ukay Perdana dan projek ini merentasi Hutan Simpan Ampang.

Kosmo! pada 22 April lalu melaporkan beberapa pertubuhan bukan kerajaan termasuk Peka menuntut agar kerajaan negeri membatalkan projek pembinaan tiga lebuh raya di negeri itu kerana bimbang ia boleh memberi implikasi buruk kepada alam sekitar.

Tiga lebuh raya itu ialah EKVE, Lebuh Raya Sungai Besi-Hulu Kelang (SUKE) dan Lebuh Raya Damansara-Shah Alam.

Taman Rimba Ampang seluas 25,000 hektar diliputi hutan jenis dipterokarpa pamah.

Terletak dua kilometer dari Bandar Baru Ampang, ia merupakan destinasi popular bagi warga kota untuk berkhemah, melihat burung, mandi sungai dan berkelah.

Lebuh Raya Lembah Klang Timur (EKVE)

- INFO
- Merupakan sebahagian daripada projek Lebuh Raya Lingkaran Luar Kuala Lumpur (KLORR).
 - Lebuh raya sepanjang 39 kilometer (km) itu akan menghubungkan Ukay Perdana, Ampang ke Sungai Long, Kajang.
 - Mempunyai lima persimpangan iaitu Ukay Perdana, Ampang, Hulu Langat, Bandar Mahkota Cheras dan Bandar Sungai Long.
 - Pembinaan Fasa 1 EKVE dimulakan pada September 2015 dan dijangka menelan kos sebanyak RM1.55 bilion.
 - Projek tersebut mendapat bantahan penduduk sekitar Bukit Antarabangsa yang membentuk Pasukan Petugas Khas Penduduk Bukit Antarabangsa (BARTF). Badan bukan kerajaan lain yang turut menyuarakan bantahan termasuk WWF Malaysia, Persatuan Pencinta Alam Malaysia dan Pertubuhan Pelindung Khazanah Alam Malaysia (Peka).
 - Bantahan dibuat atas alasan EKVE akan menyebabkan kesesakan lalu lintas di kawasan perumahan berhampiran selain kawasan hutan simpan yang bakal musnah.



25 May 2016
Kosmo, Malaysia


Author: No author available • Section: Negara • Page: 10 • Printed Size: 577.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 14,974.00
PR value: MYR 44,922.00 • Item ID: MY0026107089



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2



PROJEK lebuh raya EKVE sepanjang 39 kilometer yang dimulakan sejak September 2015 kini dihentikan sementara.



TAMAN Rimba Ampang sebelum ini terkenal sebagai destinasi riadah warga kota.



25 May 2016
The Star, Malaysia

Author: Edward Rajendra • Section: Metro • Page: 1TO3 • Printed Size: 1764.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 88,775.00
PR value: MYR 266,325.00 • Item ID: MY0026105836

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektahtohong@ymail.com



isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 4

Clean up school gates

Experts want the authorities to increase enforcement measures to prevent street vendors from selling junk food to schoolchildren. >2&3



Children exposed to junk food at schools

Street vendors serve up unhealthy fare right at the gates



25 May 2016
The Star, Malaysia

Author: Edward Rajendra • Section: Metro • Page: 1TO3 • Printed Size: 1764.00cm²
Market: KL • Country: Malaysia • Photo: Full Color • Ad Value: MYR 88,775.00
PR value: MYR 266,325.00 • Item ID: MY0026105836

PEJABAT SETIAUSAHA KERajaAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAU BANDARAN SULTAN SALAHUDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40150 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL SHALIM.
No.Tel: 03-5541 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektaohongkor@gmail.com



sientia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 4



AT THE sound of the afternoon bell, schoolchildren of all ages rush out of their classrooms and head straight for the street vendors outside the school gate to buy a variety of foodstuff.

The most popular items are sweetened ice cold drinks with artificial flavours and colouring as well as coloured candies, chocolates and ice-cream potong.

The street vendors on three-wheelers and small vans also sold a variety of sweets, carbonated beverages and even energised drinks in sachets that are not suitable for children.

While the authorities know that the children were exposed to unhealthy eating habits, traders, some of whom were operating illegally, want to make a quick buck without any concern for the children's health.

Under the Local Council Guidelines, such street vendors are not allowed to trade outside schools.

An Indonesian construction worker, Supardee, who sells ice-cream potong outside schools in Shah Alam, said business was good.

He said he used tap water to make the ice-cream as he considered it clean enough.

"I do not have a trading licence as I do this as a part-time business."

"I will move away when I see the authorities approaching me," he said, adding that the Shah Alam City Council (MBSA) enforcement officers had once seized all his goods.

"It is tough but I need to earn extra money," he said.

School principals in Klang, Shah Alam and Petaling Jaya who spoke to *StarMetro* admitted that they had no control over what the children ate outside the school compound.

They said their teachers had taught the children good eating habits, but children being children were easily taken up by colours and sweet stuff.

The principals also said that they did not want to engage with the street vendors as some of them could be thugs.

Association of School Canteen Operators of Malaysia (Ascom) pres-

ident William Huee said vendors selling substandard food items outside schools in Selangor was a common sight, claiming that local council enforcement was not strict.

"Under the Health Ministry guidelines on food and drinks sold outside the school gate, street vendors are banned from selling their goods within a 40m radius of the school gate or fence," he said.

He added that the ban applied to static and mobile traders as well as those with temporary trading licence.

Huee said children need nutritious food containing minerals and vitamins essential for their physical growth and building up their strength against diseases.

Young schoolchildren who consume unhealthy foodstuff are prone to diseases.

"Artificial colours, sweet carbonated drinks and fried food satisfy their appetite but are not nutritious.

"Due to the eating habits, they become physically weak and are not mentally sharp," he said.

Huee has been working with the Klang Consumer Association, Selangor Environment Association (Food Nutrition and Quality

Committee), state local authorities, the Domestic, Trade and Consumer Affairs Ministry - Selangor Department and Health Ministry.

"Our local authorities must act quick to halt the sale of foods with excess sugar and salt, and artificial-coloured drinks.

"Compound notices must be issued and vehicles must be seized.

"We cannot be lenient on this matter as the problem still persists despite being brought up time and again," he said.

Klang Municipal Council enforcement chief Andry Arman Masrom said the council's enforcement team did conduct spot checks for street vendors outside schools but due to lack of manpower, it was difficult to cover all schools.

